

NAMA : _____ TARIKH: _____

KEMAHIRAN HIDUP ASAS (PERKEBUNAN)

PK 5 ZUHRAH

TAJUK: MARI MENYEMAI BIJI BENIH.

2.1.2 Menerangkan langkah menyemai biji benih:

(i) di kotak semaian

Mari Belajar Menyemai Biji Benih

MAKLUMAT DAN KEMAHIRAN

Fahami dua cara menyemai biji benih, iaitu di dalam kotak semaian dan di atas batas.

Cikgu, kami ada membawa biji benih tomato.

Mari cikgu tunjukkan cara menyemai biji benih itu.

A. Cara menyemai biji benih tomato di dalam kotak semaian.

Alatan dan bahan

- pengiram
- jaring lindungan matahari
- kotak semaian
- sarung tangan
- biji benih tomato

Langkah-langkah

1

Sediakan kotak semaian.

2

Masukkan medium semaian ke dalam kotak semaian.

NOTA GURU

- Bimbing murid menyediakan medium semaian.
- Guru menekankan aspek kebersihan dan keselamatan semasa melakukan aktiviti.

1.1.2
2.1.2 (i), (ii)

LIVEWORKSHEETS

67

PANDUAN KESELAMATAN

Gunakan peralatan yang betul dan dengar arahan guru semasa menjalankan aktiviti.



3
Campurkan biji benih tomato dengan pasir halus dalam nisbah 1:5.



4
Taburkan campuran biji benih ke dalam kotak semaian.



5
Taburkan satu lapisan medium semaian yang nipis untuk menutup campuran biji benih.



6
Sungkupkan kotak semaian dengan jaring lindung matahari.



7
Siram semaian.



TAHUKAH KAMU?

Tanaman perlu disungkupkan untuk mengekalkan kelembapan tanah dan mengurangkan hakisan yang disebabkan hujan.

Mengapakah biji benih halus perlu digaul dengan pasir halus? Bincangkan.



NOTA GURU

• Guru boleh mempelbagaikan jenis kotak semaian untuk tanaman.

ARAHAN: Tuliskan langkah-langkah menyemai biji benih halus (tomato) berpandukan gambar yang diberi.

 1	
 2	
 3	

ARAHAN: Tuliskan langkah-langkah menyemai biji benih halus (tomato) berpandukan gambar yang diberi.

	
	
	

ARAHAN: Tuliskan langkah-langkah menyemai biji benih halus (tomato) berpandukan gambar yang diberi.

